

# Silat perlu dikembang kpd masyarakat belia antarabangsa

PENCAK SILAT

13 FEB 1978

**S**ENI mempertahankan diri hari ini telah mencapai taraf dan pengiktirafan yang tinggi di merata dunia di samping telah diterima sebagai satu acara sukan di peringkat antarabangsa.

Contoh yang baik ialah seni pertahanan diri orang-orang Jepun. Judo telah menjadi satu acara sukan baik di Sukan Olimpik, mahupun di sukan - sukan kerantauan seperti Sukan Sea atau Sukan Asia.

Ini mungkin disebabkan Judo adalah sejenis seni pertahanan diri yang telah lama dan terkawal diterima oleh orang - orang Barat dan popularitinya telah menjadikannya sejenis sukan yang diminati ramai.

## Cabang

Pada masa yang

dan penelitian terhadap cara-cara binatang - binatang seperti harimau, ular, monyet dan berbagai binatang termasuk burung mempertahankan dirinya timbulnya seni - seni di atas.

Hari ini berbagai cabang seni itu telah menjalani perubahan dan penyusunan yang sungguh rapi dan siapa saja yang mahu mencapai peringkat yang tertinggi dalam sesuatu bidang seni itu boleh berusaha mencapainya.

Di Singapura terdapat masyarakat yang berbilang bangsa - yang setiap satu mempunyai seni pertahanan diri yang tersendiri.

Sebelum merdeka bilangan mereka yang mengikuti seni di atas tidaklah ramai, tetapi bilangan ini bertambah

*Persisi  
orak  
langkah  
baik  
menuju  
ke arah  
yang  
sihat*

adalah tinggi makin merosot bila terdapat orang - orang yang mengambil kesempatan menubuhkan kelas-kelas dengan mengenakan bayaran yang tinggi.

Menyedari hakikat bahawa seni ini adalah satu cabang kegiatan yang sihat hari ini

